

NOTA PENERANGAN

(a) Borang Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran (CP502)

Sekiranya tuan tidak bersetuju dengan Notis Bayaran Ansuran (CP500), tuan dibenarkan untuk meminda bayaran ansuran tersebut dengan menggunakan borang ini. Sila isikan maklumat dengan lengkap menggunakan pen berdakwat hitam dan kembalikan ke Cawangan LHDNM yang mengendalikan fail tuan secara serahan tangan, pos atau melalui Borang Maklumbalas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM.

(b) Tarikh Akhir Permohonan Pindaan Bayaran Ansuran

Permohonan pindaan hendaklah dikemukakan ke Cawangan LHDN tidak lewat daripada **30 Jun 2022**. Permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(c) Tarikh Jadual Pindaan Bayaran Ansuran Berkuatkuasa

Jika CP502 dikemukakan pada bulan tersebut, pindaan bayaran ansuran akan bermula pada ansuran berikutnya.

(d) Pengiraan Amaun Ansuran Dipinda

Amaun Ansuran Dipinda dikira dengan membahagikan Anggaran Cukai Perlu Dibayar dengan baki bilangan ansuran. Amaun sen (jika ada) hendaklah ditambah kepada ansuran akhir. Notis Pindaan Bayaran Ansuran (CP503) akan dikeluarkan.

Contoh: Notis Bayaran Ansuran (CP500) bagi Tahun Taksiran 2022	RM55,400.00
Amaun ansuran: Pertama hingga kelima	RM 9,233.00
Keenam	RM 9,235.00
Anggaran Cukai Dipinda	RM30,000.00

Tarikh Permohonan	Contoh 1: Feb 2022	Contoh 2: Jun 2022
(i) Anggaran Cukai Dipinda Tolak:	RM30,000.00	RM30,000.00
(ii) Jumlah Ansuran Telah Dibayar	RM 0.00	RM18,466.00 (Ansuran pertama dan kedua)
(iii) Anggaran Cukai Perlu Dibayar	RM30,000.00	RM11,534.00
Amaun Ansuran Dipinda	RM30,000.00/6 ansuran = RM 5,000.00 Ansuran pertama hingga keenam = RM 5,000.00	RM11,534.00/4 ansuran = RM2,883.50 Ansuran ketiga hingga kelima = RM2,883.00 Ansuran keenam = RM2,885.00

(e) Jadual Pindaan Bayaran Ansuran

Ansuran	Tarikh Kena Bayar	Jadual Ansuran		
		CP500 (RM)	*Pindaan (RM) Contoh 1	*Pindaan (RM) Contoh 2
1	01/03/2022	9,233.00	5,000.00	9,233.00
2	01/05/2022	9,233.00	5,000.00	9,233.00
3	01/07/2022	9,233.00	5,000.00	2,883.00
4	01/09/2022	9,233.00	5,000.00	2,883.00
5	01/11/2022	9,233.00	5,000.00	2,883.00
6	01/01/2023	9,235.00	5,000.00	2,885.00
	Jumlah	55,400.00	30,000.00	30,000.00

*Pindahkan Amaun Ansuran Dipinda ke ruangan 'Amaun' di 'Jadual Pindaan Bayaran Ansuran' di muka surat sebelah.

(f) Pengenaan Kenaikan Cukai Jika Amaun Anggaran Cukai Dipinda Lebih Rendah

Kenaikan cukai 10% akan dikenakan sekiranya perbezaan di antara Cukai Kena Dibayar dengan Anggaran Cukai Dipinda melebihi 30% daripada Cukai Kena Dibayar. Formula pengiraan kenaikan cukai adalah seperti berikut:

$$[(CKD-AC) - (30\% \times CKD)] \times 10\%$$

di mana: **CKD** - Cukai Kena Dibayar
AC - Anggaran Cukai Dipinda